

BAHASA SEBAGAI ASAS JATI DIRI BANGSA: ISU, CABARAN DAN UPAYA PELESTARIANNYA¹

Awang Sariyan

Abstrak

Makalah ini berfokus pada isu pertalian antara bahasa dengan jati diri bangsa, dengan rujukan khusus kepada bahasa Melayu. Asas utama pertalian antara bahasa dengan bangsa ialah hakikat bahawa bahasa, bersama-sama akal, merupakan ciri dan milik utama manusia yang menyebabkan manusia berbeda daripada haiwan dan makhluk lain. Dalil naqli yang berasaskan agama dan dalil aqli yang berasaskan kajian sarjana linguistik dijadikan rujukan dalam makalah ini. Selanjutnya, perbincangan meliputi penelusuran sejarah bahasa Melayu dari zaman awal, iaitu zaman Sriwijaya dan zaman Kesultanan Melayu yang menunjukkan eratnya hubungan antara bahasa dengan jati diri dan kemajuan bangsa di Kepulauan Melayu yang merentas etnik. Bahagian akhir makalah ini membincangkan situasi semasa bahasa Melayu dalam konteks pembinaan jati diri bangsa dan negara merdeka, kemelut yang berlaku dan saran untuk melestarikan peranan bahasa Melayu dalam menghadapi tantangan sezaman dan masa muka.

Abstract

This article focuses on the issue of the relation between language and identity of a nation, with special reference to the Malay language. The primary premise in discussing the relation is the fact that language, together with mind, is an important characteristic and property of mankind, which differentiates man from animal and the others.

1 Kertas kerja Seminar Jati Diri Johor. anjuran Yayasan Warisan Johor dan Universiti Teknologi Malaysia, 6 - 8 Julai 2007. di Hotel Selesa. Johor Bahru.

Religious and scientific evidences are consulted in discussing this issue. In the context of the Malay language, this article traces the development of the language as a tool of civilizational progress in all fields of life among the people in the Malay Archipelago, since the early time, especially in the time of Sriwijaya and the Malay Sultanates. The last part of the article refers to the current situation of Malay in the context of nation building, the crisis of identity and some suggestions to strengthen Malay in facing contemporary and future challenges.

PENDAHULUAN

Dalam sejarah kebangkitan tamadun manusia sedunia, hakikat bahawa bahasa menjadi unsur teras jati diri sesuatu bangsa sudah dikaji dan dibuktikan oleh pemikir dan sarjana dari dahulu hingga kini, baik dalam tradisi Barat mahupun dalam tradisi Islam. Terdapat hubungan yang amat erat antara perkembangan bahasa dengan perkembangan masyarakatnya, dan demikianlah sebaliknya, wujud hubungan yang erat antara perkembangan masyarakat dengan perkembangan bahasa masyarakat itu. Pokoknya, tiada masyarakat yang dapat mengembangkan tamadunnya dalam keadaan bahasa masyarakatnya statik dan ketinggalan, dan tiada pula bahasa yang mungkin maju dalam keadaan masyarakatnya mundur. Jika demikian hakikatnya, maka apakah isunya?

Isunya adalah bahawa di tengah-tengah terangnya peranan dan sumbangan bahasa dalam kebangkitan dan penakatan sesuatu tamadun, ada kalangan (yang jumlahnya tidak pula kecil) yang tidak melihat perkembangan tamadun masyarakat secara bersepadu. Dalam konteks isu yang dibincangkan ini, ada kalangan yang tidak menilai pentingnya bahasa dan budaya diperhitungkan dalam rencana pembangunan masyarakat sehingga sanggup bersikap permisif – pasrah kepada landaan fenomena semasa meskipun bakal kehilangan jati diri. Golongan yang taasub pragmatis malah hampir-hampir tidak memberikan nilai kepada bahasa, seolah-olah bahasa tidak memainkan peranan dalam pembinaan jati diri dan tamadun.

Hampir 200 tahun dahulu, Abdullah Munsyi (1882) telah mengkritik sikap kalangan yang tidak menghormati bahasa sendiri sebagai akar budayanya. Katanya:

“Adalah suatu hairan lagi tercengang aku sebab melihat dan memikirkan hal orang Melayu ini belum sedar akan dirinya, dia tinggal dalam

bodohnya itu oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya, maka mustahil pada akal adakah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai dengan sendirinya. Bukankah segala bangsa di dunia ini masing-masing ada belajar bahasanya?”

Dengan rempuhan globalisasi dan dalam keterujaan untuk menjadi penguasa sains dan teknologi terkini, kian tampak jelas bahawa kritik Abdullah Munsyi itu tidak dijadikan iktibar oleh generasi kini. Bahasa Melayu yang diputuskan menjadi bahasa negara (bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu), dan dengan demikian menjadi wahana pembangunan tamadun bangsa dan negara, tampaknya beransur-ansur disempitkan peranannya dan tidak lagi dinilai sebagai akar budaya yang penting, kerana sikap permisif seakan-akan memungkinkan apa-apa jua menjadi akar pertumbuhan dan pengembangan tamadun.

Dalam usaha memadukan kekayaan lokal dan global, sehingga timbul gagasan “masyarakat glokak”, yang akhirnya lebih nyata adalah bahawa sang global menelan sang lokal. Sebilangan yang bersikap permisif dan juga pragmatis sudah sampai ke tahap yakin bahawa untuk menjadi “Melayu baharu” kita perlu mengorbankan sebahagian tradisi, termasuk bahasa yang menjadi warisan zaman-berzaman. Telah ditiupkan semboyan bahawa “Maju bangsa, majulah bahasa”, dengan penekanan bahawa yang penting ialah kemajuan bangsa dan bahasa secara automatik akan ikut maju – gagasan yang kelihatan logis dari sudut urutannya, tetapi menjadi tidak nalar apabila disadari bahawa bangsa mungkin menjadi maju tetapi bahasanya yang diketepikan dalam pembangunan bangsa tidak mungkin akan menjadi maju dengan sendirinya.

Kecemerlangan tamadun Melayu sejak zaman-berzaman yang berakarkan bahasa Melayu dan kejayaan negara sejak pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan yang bertunjangkan bahasa Melayu tampaknya kurang diyakini dapat menjamin keupayaan bangsa dan negara ini mendepani tantangan sezaman dan akan datang, khususnya sebagai bangsa global. Kian terang tanda dan isyarat untuk menyertai kewargaan sedunia dengan memilih bahasa yang dianggap bahasa global meskipun berulang kali kedengaran penegasan bahawa bahasa Melayu tidak akan dipinggirkan dan tetap menjadi teras tamadun negara – pernyataan yang bercanggah dengan kenyataan yang sedang berlaku, iaitu pengurangan peranan bahasa Melayu dalam ranah yang menandai kebudayaan moden.

Hakikat Bahasa sebagai Asas Jati Diri

Hakikat adanya hubungan kesalingan antara bahasa dengan jati diri dan kebudayaan telah lama dibincangkan oleh ahli falsafah, ahli bahasa dan ahli antropologi dan sosiologi (Awang Sariyan, 2005). Soal yang manakah yang lebih mempengaruhi yang satu lagi, seperti kepercayaan pengikut teori Relativisme Sapir dan Whorf bahawa bahasa sesuatu bangsa ditentukan oleh kebudayaannya, bukanlah isu yang penting kerana sudah terbukti bahawa bahasa menjadi wasilah yang penting dalam pertumbuhan dan perkembangan semua tamadun manusia dari dahulu hingga kini.

Hakikat bahasa sebagai asas jati diri dan akar budaya bagi mana-mana bangsa di dunia ini dapat difahami dengan mengetahui hakikat dan peranan bahasa sebagai wasilah pembentukan dan pewarisan kebudayaan bangsa. Konsep kebudayaan terbit daripada adanya **budi** dan **daya** sesuatu bangsa, dengan **budi** merujuk kepada akal dan **daya** merujuk kepada usaha menggunakan akal untuk membentuk sistem hidup. Dalam hal penggunaan akal atau budi itulah, bahasa memainkan peranan sebagai wasilah, iaitu menjelmakan konsep-konsep atau idea-idea yang berkaitan dengan pembentukan sistem hidup yang dinamai kebudayaan itu. Penjelmaan atau realisasi segala konsep dan idea yang berkaitan dengan kebudayaan atau sistem hidup itu terlaksana melalui bahasa, kerana bahasa merupakan fakulti dalam akal yang berperanan sebagai pengungkap konsep dan idea yang dikembangkan pada sesuatu zaman dan juga daripada satu generasi kepada satu generasi. Pada peringkat individu pula, pendidikan bererti pengembangan potensi-potensi yang ada pada diri seseorang. Ketiga-tiga hal itu berkaitan secara langsung dengan soal pertalian antara bahasa dan pendidikan bahasa yang menjadi fokus kajian ini dengan pendidikan umum.

Jati diri yang berkaitan dengan bahasa pertama-tamanya perlu dilihat daripada sudut hakikat bahasa sebagai salah satu ciri penting manusia. Islam memberikan penerangan yang jelas tentang peranan bahasa sebagai asas jati diri manusia. Bahasa pada makhluk yang bernama manusia merupakan unsur yang menjadi ciri penting bagi sifat “kemanusiaan manusia” sejak munculnya manusia pertama di dunia, iaitu Nabi Adam a.s. Ulama'-ulama' Islam dari zaman ke zaman mengistilahkan manusia sebagai *haiwan natiq (rational animal)*, dengan kata *natiq* itu, selain merujuk kepada akal, turut merujuk juga kepada pertuturan atau bahasa (al-Attas, 1991:13–14). Oleh itu, haiwan natiq atau haiwan rasional itu

ialah makhluk yang kewujudannya ditandai oleh adanya akal dan adanya ciri atau kemampuan “berbahasa”.

Diri manusia, sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran (Surah al-Hijr, ayat 26–29 dan Surah al-Mu’minun, ayat 12 – 14) terdiri daripada dua bahagian, iaitu jasad dan roh. Jasad dikenal sebagai diri yang zahir, sementara roh dikenal sebagai diri yang batin, iaitu diri yang hakiki. Selain *al-ruh*, diri yang batin dalam al-Quran di sebut juga *al-qalb*, *al-nafs*, dan *al-’aql* (kalbu, nafsu, dan akal) (al-Attas, 1991: 1 – 2). Bahasa merupakan bahagian atau fakulti ilmu yang terletak dalam akal dengan pengertian bahawa bahasa pada dasarnya ialah satu fitrah atau *innate* yang sedia ternurani dalam akal apabila manusia lahir ke dunia (Hashim Musa, 1980:67 dan 1991:17–24). Hakikat bahasa sebagai unsur yang ternurani dalam akal manusia dibincangkan juga oleh ahli-ahli falsafah Barat dari zaman Plato, lima abad sebelum Masihi hingga ke zaman ahli-ahli falsafah rasionalis Barat abad ke-17 dan ke-18 seperti Descartes, Kant, dan Cudworth, dan kemudian diperdalam oleh ahli-ahli bahasa abad ke-20 seperti Chomsky, Katz, dan Fodor (Hashim Musa, 1991:21).

Menurut ajaran Islam, Nabi Adam a.s sebagai manusia pertama yang diciptakan Allah SWT telah diberi ilmu bahasa oleh Allah dalam bentuk pengenalan tentang nama sekalian kejadian alam. Nama itu pula bukan sekadar kata-kata yang merujuk kepada bentuk konkrit kejadian alam, bahkan tersirat di dalamnya keterangan tentang sifat dan kualiti setiap kejadian itu (Abdullah Yusuf Ali, 1983:24, nota 48). Menurut kupasan al-Attas (1993:139) pula, nama-nama yang diajarkan Allah itu merujuk kepada ilmu tentang segala sesuatu (*al-’ilm al-ashya*):

“Dan Dia (Allah) telah mengajar Nabi Adam tentang nama segala benda dan gunanya.”

(al-Baqarah:31)

Berkaitan dengan hakikat bahawa Nabi Adam a.s. sebagai manusia pertama itu telah dikurniai keupayaan berbahasa, dapat difahami peranan bahasa sebagai wasilah pembentukan dan pewarisan kebudayaan seperti yang dihuraikan di atas. Pengenalan nama segala yang ada dalam kehidupan dengan segala sifat, kualiti dan kegunaannya itulah asas kebudayaan yang kemudian dikembangkan oleh manusia dari zaman ke zaman dengan memanfaatkan akal yang dikurniakan oleh Allah. Kebudayaan yang terhasil daripada berlangsungnya usaha (daya) dengan menggunakan akal (budi) itu dikembangkan kepada

masyarakat dan diwariskan daripada satu generasi kepada satu generasi melalui proses yang dikenal sebagai pendidikan, baik pendidikan formal mahupun pendidikan tidak formal, dan proses itu berlangsung dengan berwahanakan bahasa. Dalam konteks inilah bahasa dapat difahami sebagai akar utama budaya sesuatu bangsa.

Pendidikan yang diberikan dalam bentuk pengurniaan ilmu tentang nama seluruh kejadian di alam (termasuklah segala sifat dan kualitinya) jelas menggambarkan peri pentingnya dwiperanan bahasa, iaitu bahasa sebagai suatu cabang ilmu dan juga bahasa sebagai wahana penyerapan ilmu ke dalam diri manusia. Inilah dua perspektif pendidikan bahasa yang cukup penting dan relevan untuk sepanjang zaman. Yang pertama, bahasa sebagai suatu cabang ilmu perlu dipelajari sebagaimana sains perlu dipelajari untuk mengenal binaan dan strukturnya serta fungsinya dalam kehidupan manusia, dalam rangka mengenal dan mengakui kebesaran Allah sebagai pencipta segala sesuatu, termasuk bahasa. Yang kedua, bahasa sebagai wahana penyerapan atau penyampaian ilmu menjadi alat terpenting dalam proses pendidikan keseluruhannya, dengan matlamatnya untuk mewariskan sistem nilai dan segala unsur kebudayaan yang menjadi sistem hidup masyarakat.

Dalam firman yang lain, Allah SWT menjelaskan pendidikan bahasa yang diberikan-Nya kepada manusia keseluruhannya. Terjemahan firman itu berbunyi:

“Tuhan yang amat pemurah serta melimpah-limpah rahmat-Nya. Dialah yang telah mengajarkan al-Quran. Dialah yang menciptakan manusia. Dialah yang telah memungkinkan manusia pandai berbicara.”

(al-Rahman: 1 – 4)

Bahkan wahyu pertama yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w., Rasul terakhir secara khusus memberikan isyarat yang jelas tentang pentingnya pendidikan bahasa kepada manusia. Firman Allah SWT dalam terjemahannya berbunyi:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (manusia). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang paling pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan kalam (kemahiran menulis dan membaca). Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya.”

(al-`Alaq: 1 – 5)

Dalam ayat tersebut, dengan jelas ditekankan oleh Allah SWT pentingnya membaca sebagai salah satu kemahiran berbahasa dan bagaimana Allah mengajar manusia dengan menggunakan bahasa (kalam) sebagai wahananya. Pengurniaan bahasa oleh Allah SWT kepada manusia itulah yang memungkinkan berlakunya pendidikan pada peringkat masyarakat, iaitu pewarisan kebudayaan daripada generasi kepada generasi. Tanpa bahasa, tidak akan wujud konsep-konsep yang mendukung pengertian setiap unsur kebudayaan. Tanpa bahasa juga tidak mungkin berlaku komunikasi yang dapat bertahan lama dari zaman ke zaman untuk mewujudkan keadaan saling faham antara anggota masyarakat dalam zaman yang berlainan. Sebaliknya, melalui bahasa yang mapan sistemnya dari zaman ke zaman, dapatlah berlaku proses pewarisan kebudayaan itu.

Peranan bahasa sebagai wahana pendidikan yang mengembangkan kebudayaan masyarakat dapat juga kita fahami dengan mengingat bahawa pendidikan yang disampaikan oleh Allah SWT kepada para rasul untuk memimpin manusia menjalani kehidupan yang berperaturan dan bersistem, menurut ketentuan Allah, adalah melalui bahasa sebagai wadahnya. Bahkan mu'jizat terbesar yang diberikan Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w. ialah bahasa, iaitu al-Quran yang menampung segala wahyu Allah, dengan pengertian bahawa wahyu itu ialah kandungan bagi proses pendidikan, sementara bahasa (kalam) ialah wahananya.

Hakikat bahasa sebagai wahana ilmu dan pendidikan dan sekali gus sebagai wahana kebudayaan dengan jelas diterapkan oleh Imam al-Ghazali, mujtahid yang hidup dari pertengahan abad ke-11 hingga awal abad ke-12 Masihi, dalam skema hierarki ilmu atau pengelasan ilmu yang terpuji (ilmu yang diredai dan dituntut oleh agama Islam sebagai lawan ilmu yang tercela) (al-Ghazali, 1980:85). Beliau membahagi ilmu itu kepada empat kategori, iaitu ilmu yang bertaraf pokok, cabang, mukadimah, dan pelengkap. Ilmu pokok terdiri daripada empat sumber, iaitu kitab Allah, Sunnah Rasul, ijmak umat, dan warisan para sahabat. Ilmu cabang pula terdiri daripada ilmu-ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi (khususnya ilmu akhlak). Ilmu mukadimah atau ilmu asas ialah ilmu yang merupakan alat untuk mengetahui isi kitab Allah dan sunnah Rasul. Ilmu alat itu terdiri daripada ilmu bahasa dan tata bahasa yang, walaupun tidak termasuk dalam ilmu syariah, perlu dipelajari untuk keperluan agama, kerana semua agama lahir melalui bahasa (al-Ghazali, 1980:86). Yang keempat, iaitu ilmu pelengkap ialah ilmu tentang al-Quran (tajwid, qiraah atau pembacaan, tafsir, hukum, usul fiqh) dan ilmu penyempurna tentang sunnah Nabi seperti perawi-perawi hadis. (Tentang pengelasan

ilmu menurut al-Ghazali ini, lihat juga Osman Bakar, 1992: Zawawi Hj. Ahmad, 1988, dan Yaacob Yusoff, 1991).

Skema hierarki ilmu menurut rumusan al-Ghazali itu dengan jelas meletakkan ilmu bahasa dan tatabahasa serta pelbagai cabang ilmu linguistik sebagai ilmu asas atau ilmu bantu yang cukup penting untuk maksud pemerolehan dan penyebaran ilmu keseluruhannya. Hal ini dengan jelas pula memperlihatkan pertalian yang erat antara penguasaan bahasa dengan proses pendidikan, iaitu proses yang menyalurkan segala aspek sistem kehidupan atau dengan perkataan lain kebudayaan bangsa.

Kesimpulan penting daripada perbincangan tentang hubungan antara bahasa, akal, diri, dan pendidikan ialah bahawa bahasa menjadi wasilah untuk pembentukan dan pewarisan kebudayaan sesuatu bangsa. Pembentukan kebudayaan yang dimaksudkan ialah bahawa segala konsep dan idea tentang aspek-aspek kebudayaan diungkapkan melalui bahasa sehingga terbentuk kontrak sosial atau persetujuan masyarakat tentang sistem hidup yang menjadi amalan masyarakat. Pengembangan segala unsur kebudayaan yang menjadi asas sistem hidup itu dilakukan melalui pendidikan, formal dan tidak formal, juga dengan bahasa sebagai wasilahnya. Selanjutnya pewarisan kebudayaan daripada satu generasi kepada satu generasi pun dimungkinkan oleh adanya bahasa sebagai wahana, baik melalui lisan mahupun tulisan. Dalam hubungan inilah bahasa perlu dilihat sebagai akar utama jati diri dan budaya sesuatu bangsa.

Dalam kaitannya dengan kekhususan sifat bahasa manusia berdasarkan bangsa, Allah dengan jelas meletakkan asas bahawa pertama-tama manusia dijadikan-Nya berbangsa-bangsa dan berpuak-puak (al-Hujurat, 13) supaya mereka saling mengenal. Hakikat wujudnya pelbagai bangsa di muka bumi ini secara langsung mengisyaratkan kewujudan pelbagai bahasa pula. Dalam Surah al-Rum Ayat 22 dengan jelas pula Allah memberitahu kita bahawa Dia menjadikan manusia lelaki dan perempuan dengan pelbagai warna kulit dan pelbagai bahasa. Maka itu, silap sama sekali sikap dan pendapat sesetengah kalangan yang percaya bahawa ada satu bahasa agung di dunia yang memungkinkan semua bangsa maju apabila menggunakannya sebagai asas tamadun. Sikap itu malahan menentang sunatullah atau peraturan Allah yang menentukan bahawa setiap bangsa dikurniai bahasanya sendiri. Bangsa itulah yang bertanggungjawab memajukan bahasanya untuk menjadikannya mampu menjadi asas pengembangan tamadun bangsanya. Maka itu juga Allah berfirman dalam Surah Ibrahim, Ayat 4 yang mafhumnya "Tidak Kuturunkan para rasul melainkan dalam bahasa yang difahami oleh kaumnya".

Bangsa Melayu (dan juga bangsa Malaysia) yang ditakdirkan memiliki bahasa Melayu, dengan demikian, perlu mensyukuri nikmat Allah itu, bukan dengan berusaha mengambil satu bahasa lain sebagai asas pengembangan tamadun bangsa dan negara, tetapi dengan memajukan bahasanya sendiri. Ruang dan peluang perlu diberikan seluas-luasnya kepada bahasa Melayu untuk berperanan dalam semua sektor kehidupan bertamadun di negara ini, baik dalam bidang pendidikan, kebudayaan, pentadbiran, undang-undang mahupun ekonomi. Sejarah telah membuktikan bahawa apabila bahasa Melayu dijadikan asas pembangunan tamadun, bahasa itu telah mengangkat bangsa Melayu pada zaman Kesultanan Melayu sebagai bangsa besar di dunia.

Peranan dan Sumbangan Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dan Akar Budaya

Pembicaraan tentang peranan dan sumbangan bahasa Melayu sebagai tonggak kebudayaan dan tamadun umat Melayu, khususnya, dan tamadun di rantau yang kini dikenal sebagai Asia Tenggara, umumnya, telah sekian lama dilakukan oleh sekian banyak sarjana pula, baik sarjana di rantau ini mahupun sarjana sedunia. Mengulang-ulang kisah peranan dan sumbangan bahasa Melayu dalam kebangkitan satu tamadun besar di rantau ini yang harum pula hingga ke benua-benua lain di dunia ini pada satu tahap memang menimbulkan rasa bosan, tetapi mahu tidak mahu perlu dilakukan juga untuk terus memperkukuh keyakinan dan iltizam memerkasakan dan melestarikannya sebagai salah satu akar budaya yang utama. Maka sebagai latar pembicaraan yang mengarah kepada pembinaan satu kerangka atau pelan tindakan memerkasakan dan melestarikan bahasa dan budaya Melayu, bahagian yang berkaitan dengan peranan dan sumbangan bahasa Melayu sebagai akar budaya ini sekadar mengetengahkan fakta dan hakikat yang telah biasa disebut di sana sini dalam pelbagai wacana ilmiah.

Bahasa Melayu sejak dua alaf lalu telah menjadi tonggak kehidupan umat Melayu dan dalam tempoh yang cukup panjang, lebih daripada seribu tahun telah menjadi tonggak tamadun besar di rantau yang dikenal sebagai Kepulauan Melayu. Sejak abad ketujuh Masihi, bahasa Melayu telah menjadi bahasa kerajaan, bahasa perdagangan, bahasa pengajian agama dan lingua franca bagi rantau Kepulauan Melayu di bawah kerajaan Sriwijaya. Pada zaman Kesultanan Melayu dari sekitar abad 13 hingga abad 19, bahasa Melayu mencapai puncak kegemilangan sebagai bahasa tamadun Melayu baharu, dengan menjadi bahasa pentadbiran, bahasa

diplomasi, bahasa undang-undang, bahasa ilmu dan falsafah, bahasa perdagangan, bahasa ketatanegaraan dan bahasa sastera tinggi (Awang Sariyan, 2000).

Kebudayaan Melayu secara langsung pula telah menjelma menjadi kebudayaan yang definitif di rantau ini sehingga rantau ini dikenal sebagai Kepulauan Melayu atau alam Melayu kendatipun pola demografi rantau ini pada hakikatnya menunjukkan kerencaman komposisi penghuninya. Jika berdasarkan hakikat wujudnya beratus-ratus bahasa yang dikelompokkan dalam keluarga bahasa Nusantara di rantau ini, ternyata bahawa bangsa Melayu sebagai satu kumpulan etnik hanya merupakan satu daripada ratusan kumpulan etnik tersebut. Namun kebitaraan tamadun Melayu, terutama disebabkan adanya kekuatan kuasa politik dan ekonomi telah memungkinkan identifikasi rantau ini dengan citra Melayu. Kini digunakan juga istilah *dunia Melayu* untuk merujuk kepada rantau yang diwakili oleh Malaysia, Indonesia, Brunei dan beberapa wilayah negara serantau yang mewarisi tamadun Melayu, misalnya selatan Thai, Singapura, selatan Filipina, Kemboja, Vietnam, dan Myanmar.

Kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 dapat dirumuskan dengan kenyataan bahawa bahasa tersebut telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, lingua franca, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama besar dunia dan bahasa sastera (Collins, 1999 dan Awang Sariyan, 2000). Dalam konteks peranannya sebagai tonggak tamadun, bahasa Melayu telah mula memperlihatkan bibit-bibit peranannya dalam pembentukan tamadun, dalam zaman Sriwijaya. Selain sebagai bahasa perhubungan umum atau *lingua franca*, peranan bahasa tersebut sebagai tonggak tamadun secara jelasnya berlangsung dalam bidang pentadbiran kerajaan. Dengan membayangkan betapa luasnya jajahan takluk kerajaan Sriwijaya, dapatlah kita bayangkan betapa luasnya juga penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran di seluruh negeri di bawah empayar Sriwijaya.

Dalam bidang ilmu pula, catatan pengembara Cina bernama I-Cing yang singgah dan bermastautin selama enam bulan di ibu negeri Sriwijaya di Sumatera menunjukkan bahawa pada sekitar abad ketujuh telah ada pusat pengajian agama Buddha di Sumatera dengan menggunakan bahasa Melayu. Ertinya, bahasa Melayu telah mula digunakan sebagai bahasa ilmu dan pengajian meskipun tidak ada bukti meluasnya pengajian ilmu itu di tengah-tengah masyarakat dan tiada pula warisan karya ilmu daripada zaman bahasa Melayu kuno itu. Sesudah Islam datang ke alam Melayu,

bahasa Melayu menjadi demikian kayanya dengan ilmu-ilmu keagamaan, daripada ilmu kalam hingga ke fiqah, muamalat, munakahat, jinayat, sirah, qiraat dan tasawuf. Manuskrip tertua bertarikh 1590 sebagaimana yang dikaji Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988), iaitu terjemahan *Aqaid al-Nasafi* oleh Nuruddin al-Raniri ialah kitab yang membicarakan soal akidah atau tauhid. Selain itu, bahasa Melayu menjadi kaya juga dengan ilmu dan maklumat dalam pelbagai bidang lain. Sehingga kini, kita mewarisi ribuan karya dalam pelbagai bidang, daripada bidang ilmu keagamaan hingga bidang undang-undang, ketatanegaraan, historiografi atau pensejarahan, persenjataan, perubatan, seni sastera dan yang lain lagi.

Karya-karya yang sebahagiannya menjadi adikarya atau karya besar itu merupakan ikon dan mercu tanda tamadun Melayu sebagai tamadun tinggi. Karya-karya itu membuktikan wujudnya ilmuwan, pemikir, pujangga dan pengarang besar dalam tamadun Melayu. Nama besar seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Syamsuddin al-Sumaterani, Abdul Rauf Singkel, Abdul Samad al-Falambani, Syekh Daud al-Fatani, Syeh Muhammad Arsyad al-Banjari, Tun Seri Lanang, Raja Ali Haji, Abdullah Munsyi dan yang lain lagi telah diiktiraf oleh sarjana sedunia dalam bidang pengajian Melayu sebagai pendukung tamadun Melayu dalam bidang ilmu dan persuratan. Sementara itu, banyak pula nama yang tidak dapat dikesan disebabkan oleh tradisi persuratan lama sebahagiannya tidak mencatat nama pengarang pada karya yang dihasilkan.

Demikian juga, kemunculan tokoh-tokoh dan karya-karya dalam pelbagai bidang itu menjadi bukti juga wujudnya pusat-pusat tamadun Melayu, seperti Pasai, Melaka, Aceh, Patani, Banjarmasin, Palembang, Riau-Johor dan beberapa yang lain lagi. Profesor A. Teeuw, iaitu sarjana Belanda yang menyelidik perkembangan bahasa dan persuratan Melayu, turut mengakui bahawa bahasa Melayu tinggi (yang menjadi wahana tamadun tinggi bangsa Melayu) hanya wujud ketika zaman perkembangan tamadun Melayu-Islam di Alam Melayu.

Oleh sebab itu, amat perlu ditekankan pentingnya peranan dan sumbangan Islam dalam meletakkan asas dan memberikan acuan kepada perkembangan bahasa Melayu dan selanjutnya kepada tamadun Melayu. Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972 dll.) mentafsirkan kedatangan Islam ke rantau ini dan penerimaannya oleh bangsa Melayu sebagai fenomena peralihan paksi daripada tamadun rantau ini yang berasaskan agama serantau, iaitu Hindu-Buddha kepada tamadun yang berasaskan agama sarwajagat, iaitu Islam. Peralihan paksi tamadun ini

penting dalam menentukan rupa dan jiwa bangsa Melayu yang baharu, iaitu bangsa yang bebas daripada belenggu khurafat dan tahayul menjadi bangsa yang rasional dan intelektual.

Asas utama perubahan rupa dan jiwa bangsa Melayu itu ialah aqidah Islam yang berpokok pada konsep tauhid atau keesaan Tuhan dan perhubungan yang saling melengkapi antara manusia dengan Tuhan (*hablum min Allah*) dan antara manusia dengan sesama manusia atau hubungan kemasyarakatan (*hablum min al-nas*). Dengan perkataan lain, Islam meletakkan tanggungjawab atau mentaklifkan umatnya dengan tanggungjawab menegak atau vertikal dalam hubungan ketuhanan dan sekali gus tanggungjawab mendatar atau horizontal dalam hubungan kemasyarakatan dan kemanusiaan – hubungan bersepadu dan holistik yang tidak terdapat dengan sempurnanya dalam agama-agama lain.

Salah satu kesan langsung daripada penerimaan Islam ialah wujudnya faham dan kesedaran kebangsaan yang meluas dalam kalangan bangsa Melayu (Hal ini dibincangkan dengan mendalam oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam *Syarahana Perdana*, UKM, 1972). Selain dimungkinkan oleh faktor persamaan aqidah dan amalan kehidupan yang berteraskan kebudayaan Melayu Islam, beliau menekankan faktor penggunaan bahasa Melayu di seluruh alam Melayu sebagai bahasa pemersatu yang penting (termasuk peranan tulisan Jawi). Di seluruh Kepulauan Melayu muncul pusat-pusat intelektual yang melahirkan ulama', pemikir dan pujangga besar dalam kalangan orang Melayu dan juga yang datang dari luar alam Melayu (Nuruddin al-Raniri, misalnya, yang berasal dari Gujerat). Hamzah Fansuri, Syamsudin al-Sumaterani, Nuruddin al-Raniri Abul Rauf al-Singkili, Abdul Samad al-Falimbani, Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syekh Daud Fatani, Raja Ali Haji dan beberapa banyak lagi nama besar lain terakam dalam sejarah bangsa Melayu sebagai tokoh yang berperanan mengikat semangat persatuan dan kebangsaan serta pandangan sarwa melalui pemikiran dan ilmu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai saranannya..

Demikian juga, pada zaman Kesultanan Melayu itulah bahasa Melayu yang kita warisi hingga kini baru benar-benar memperoleh bentuknya yang mantap. Bahasa Melayu dalam zaman kuno sama demikian asing dan sukar difahami disebabkan pengaruh yang kuat daripada bahasa Sanskrit, baik dalam bidang kosa katanya mahupun dalam bidang tatabahasanya. Perhatikan sahaja contoh bahasa Melayu kuno yang terdapat pada batu bersurat Kedukan Bukit, iaitu salah satu batu bersurat pada abad ketujuh seperti yang berikut ini, yang nyata amat jauh bentuknya daripada bahasa

Melayu klasik dan bahasa Melayu kini:

Swastu Shri
Shakawarsatita 605 ekadashi
Shuklapaksa wulan Waishakha dapunta
Siyang naik disambu mengalap siddhayatra
Di Saptami Shuklapaksa Wulan
Jyestha dapunta hiyang marlapas dari Minanga Tamvan
Mamawa jang bala dua laksa
Dangan ... dua ratus
Tsyara disambau dangan jalan
Saribu tlu ratus sapuluh
Dua banyaknya. Datang
Di Matajap
Sukhatshitta.
Di pantshami shuklapaksa Wulan
... laghu mudik datang
marwuat maua ... Syriwijaya
jayasiddharyatra subhiksa.

Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu, yang disebut juga zaman klasik, merupakan bahasa yang hingga kini dapat dikenal bentuknya dan dapat difahami, meskipun mempunyai gaya yang berlainan daripada bahasa Melayu kini. Sebahagian besar kosa kata bahasa Melayu klasik masih tetap difahami dan terdapat dalam kamus. Tatabahasanya masih merupakan acuan bahasa yang sama dengan tatabahasa bahasa Melayu kini, sehingga dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu zaman baharu berakar daripada bahasa Melayu zaman klasik yang mekar dalam zaman Kesultanan Melayu.

Profesor Syed Muhammad Naquib (1972 dll.) menekankan bahawa kedatangan Islam telah membentuk hakikat bahasa Melayu baharu, sebagaimana yang berlaku dalam tamadun bangsa lain yang menerima Islam, terutama dengan pengenalan akan "... peristilahan dasar yang membayangkan faham-faham dasar yang menyangkan pandangan alam serta kehidupan yang dialami." (al-Attas, 2001:99). Dengan perkataan lain, Islam telah memperkenalkan dan memasukkan sekian banyak kosa kata yang mewakili tasawur dan pandangan sarwa Islam dalam aspek sistem kepercayaan dan dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat. Demikian juga Islam telah memberikan acuan baharu kepada wacana bahasa Melayu dengan pengenalan akan pelbagai bentuk wacana

yang sebelumnya tidak ada dalam tamadun Melayu, seperti wacana ketatanegaraan (seperti dalam *Tajul Salatin*), wacana undang-undang (seperti *Hukum Kanun Melaka*), wacana pensejarahan atau historiografi (seperti *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja Pasai*) dan pelbagai bentuk susastera prosa dan puisi.

Sumbangan besar yang lain yang diberikan oleh Islam ialah pengenalan tulisan Jawi yang didasarkan pada aksara Arab. Dalam zaman Kesultanan Melayulah untuk kali pertama bahasa Melayu mempunyai tulisan yang benar-benar meluas penggunaannya dalam pelbagai bidang kehidupan sehingga muncul tradisi bahasa Melayu persuratan yang menjadi asas bahasa Melayu baku. Dalam zaman kuno, meskipun ada tulisan Palava, Kawi, Rencong dan sebagainya, tidak terdapat bukti sejarah tentang keluasan fungsi dan penggunaannya di tengah-tengah masyarakat. Tiada tinggalan karya sebagaimana yang kita warisi daripada zaman Kesultanan Melayu. Besarnya peranan tulisan Jawi terungkap dalam penamaan bangsa Melayu yang dikenal sebagai bangsa Jawi. Bangsa Melayu yang dimaksudkan itu pula merangkum semua kumpulan etnik yang mendiami Kepulauan Melayu, tidak kira Jawa, Sunda, Aceh, Mandailing, Rawa, Minangkabau, Bugsi, Bawean, Banjar dan yang lain-lain. Demikianlah faham kebangsaan Melayu yang luas yang telah wujud sejak lama dan dalam menghadapi zaman kini dan zaman mendatang, tidaklah harus dilupakan konsep Melayu dengan pengertian yang luas itu. Oleh sebab itu, apabila tulisan Jawi kian lama kian sirna dalam kehidupan masyarakat kita kini, kita bimbang bahawa kita kehilangan salah satu unsur pengikat dan penyatu, selain kehilangan warisan kebudayaan yang penting. Kita mengharapkan bahawa program JQAF yang diperkenalkan di sekolah benar-benar dilaksanakan dengan ikhlas supaya tulisan Jawi dapat dimartabatkan semula.

Selain menjadi bahasa ilmu, falsafah, pemikiran, undang-undang, ketatanegaraan, seni sastera dan pensejarahan, bahasa Melayu ternyata juga telah menjadi bahasa penting dalam bidang perhubungan diplomatik. Hakikat ini terbukti dengan terdapatnya sekian banyak warkah dan perjanjian yang tertulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi, sama ada antara kerajaan Melayu dengan kerajaan bukan Melayu di Alam Melayu atau antara kerajaan di Alam Melayu dengan kerajaan atau pihak lain di luar Alam Melayu, misalnya kerajaan Cina dan kuasa Barat. Bahan-bahan tersebut banyak tersimpan di perpustakaan di negara asing seperti di Paris, di Soborne, di London dan di Leiden, dan menjadi bahan kajian ilmiah oleh sarjana setempat dan luar negara. Sementara itu, peranannya

sebagai *lingua franca*, khususnya sebagai bahasa perdagangan berlangsung terus, disebabkan banyak negeri di Alam Melayu yang menjadi pusat perdagangan.

Amat menarik pemerhatian yang dilakukan oleh dua orang Belanda yang bernama Van Linschotten dan Francois Valentijn tentang kebesaran bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun tinggi. Van Linschotten, pegawai yang bertugas dengan kerajaan Portugis antara tahun 1586 hingga 1592 di Indonesia menyatakan bahawa bahasa Melayu pada masa itu bukan sahaja amat harum namanya tetapi juga dianggap bahasa yang paling dihormati di antara bahasa-bahasa negeri timur, dan bahawa orang yang tidak tahu akan bahasa Melayu di Kepulauan Melayu dapatlah dibandingkan dengan orang yang tidak tahu akan bahasa Perancis di negeri Belanda pada zaman itu. Francois Valentijn pula, iaitu ahli sejarah bangsa Belanda yang banyak menulis hal ehwal Kepulauan Melayu, pada awal abad ke-18 mencatat kenyataan yang berikut dalam bukunya:

“Bahasa mereka, iaitu bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau bahasa Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *lingua franca* di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebaranya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya hingga Kepulauan Filipina.”

(Nik Safiah Karim, *et al.*, 2004:14)

Demikianlah kenyataan sejarah yang berlaku, iaitu bahasa Melayu sejak lebih 700 ratus tahun lampau telah menjadi unsur yang penting dalam pembinaan dan pelestarian tamadun tinggi bagi umat di alam Melayu. Bahasa Melayu digunakan dengan meluas bukan sahaja oleh orang Melayu bahkan oleh bangsa-bangsa lain juga. Tarafnya bukan sahaja sebagai bahasa setempat dan bahasa negara, apatah lagi hanya sebagai bahasa daerah, malahan sebagai bahasa antarabangsa kerana digunakan oleh pelbagai bangsa dari luar Alam Melayu, termasuk dari Eropah.

Kini kegemilangan bahasa Melayu sebagai asas tamadun tinggi menjadi kenang-kenangan yang manis untuk diingat, menjadi kebanggaan bangsa dan terus menjadi bahan kajian para sarjana. Di sisi yang lain, timbul

kepedihan dalam hati kita apabila kegemilangan itu kini sudah menjadi seakan-akan barang yang hilang. Sebilangan kita yang ingin melihat kehormatan bangsa terpelihara menangisi kelunturan dan kemerosotan bahasa Melayu di tengah-tengah kemodenan dan pemodenan yang menjadi peristiwa sejagat sejak beberapa lama. Kedatangan kuasa-kuasa Barat ke Alam Melayu, bermula pada abad ke-16 dengan gerakan penjajahan, secara beransur-ansur memudarkan peranan bahasa Melayu sebagai teras tamadun, khususnya melalui sistem pendidikan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa vernakular. Demikian juga, dalam pentadbiran dan dalam bidang-bidang lain yang menandai tamadun tinggi, bahasa Melayu beransur-ansur terpinggir sehingga diperlukan tempoh yang cukup panjang untuk memulihkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa tamadun tinggi.

Apabila semangat dan gerakan kebangsaan muncul dan usaha ke arah pencapaian kemerdekaan negara-negara di dunia Melayu mula aktif, secara nyata pada suku pertama abad ke-20, perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa asas tamadun bangsa dan negara menjadi salah satu inti pati nasionalisme, dan fenomena itu dapat dirumuskan dengan ungkapan *nasionalisme linguistik*. Di negara kita, usaha meningkatkan peranan bahasa Melayu telah dimulakan sebelum kemerdekaan tercapai. Melalui Jawatankuasa Pelajaran Razak (1956), telah dirumuskan asas yang kemudian menjadi dasar pendidikan kebangsaan, dengan berteraskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan negara. Jawatankuasa Penyemak Pelajaran Abdul Rahman Talib (1960) kemudian memperkukuh dan memperjelas asas-asas yang diusulkan oleh Jawatankuasa Pelajaran Razak. Laporan kedua-dua jawatankuasa itu kemudian dimaktubkan dalam Akta Pelajaran 1961 (kemudian Akta Pendidikan 1996) sebagai asas undang-undang untuk melaksanakan dasar pendidikan kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu atau bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama.

Sejajar dengan nasionalisme linguistik itu tadi, maka kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 diisi juga dengan menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 dan juga melalui Akta Bahasa Kebangsaan. Dengan tiga fungsi utama yang diberikan kepada bahasa Melayu sebagai asas Dasar Bahasa negara, maka secara teorinya sempurnalah kedudukan bahasa Melayu sebagai akar budaya yang penting. Memang sejarah pelaksanaan dasar bahasa yang berteraskan bahasa Melayu itu, baik sebagai bahasa kebangsaan yang berkaitan

dengan perpaduan bangsa, mahupun sebagai bahasa rasmi yang berkaitan dengan kelancaran jentera pentadbiran negara dan juga sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan, yang berkaitan dengan proses pengilmuan rakyat melalui bahasa yang sama, telah membuktikan kejayaan perancangan pembinaan negara yang diatur oleh kepemimpinan negara sejak sebelum kemerdekaan. Perubahan dasar pada saat Dasar Bahasa itu telah membuahkan hasil dan telah membuktikan ketepatan perancangan pembinaan negara, dan oleh itu harus terus diperkukuh bagi pencapaian kemajuan pada masa hadapan, dapat dianggap sebagai loceng amaran tentang kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai akar budaya dan tamadun negara pada waktu muka. Jika tiada kesediaan kita untuk membuat pertimbangan yang saksama tentang hal itu, kita mungkin akan kehilangan sesuatu yang tidak akan dapat diperolehi semula dan kisah keperkasaan dan kelestarian bahasa sebagai akar penting budaya Melayu akan hanya tinggal sebagai dokumen “Hari ini dalam Sejarah”.

Upaya Pelestarian yang Perlu Dilaksanakan

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa nasib bahasa Melayu kini seakan-akan telur di hujung tanduk. Meskipun ikrar untuk mempertahankan bahasa Melayu sebagai asas jati diri bangsa dan negara terus dilafazkan dalam pelbagai wacana, kita menyaksikan pelaksanaan yang menggugat bahasa Melayu terus-menerus berlaku. Daripada penekanan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi tertentu, seperti mesyuarat (sehingga ada sebuah kerajaan negeri yang pernah menetapkan penggunaan bahasa Inggeris satu hari dalam seminggu di jabatan kerajaan), majlis dan upacara yang membelakangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dokumen perjanjian sewa beli dan insurans dalam bahasa Inggeris kepada penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar subjek Sains dan Matematik dan yang berkaitan dengannya di sekolah serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar subjek Sains dan Teknologi, yang terbaharu ialah keputusan menukar istilah bahasa Melayu kepada bahasa Malaysia. Semua ini jelas akan menyirnakkan bahasa Melayu sebagai bahasa berwibawa di negara yang bangsa terasnya ialah bangsa Melayu. Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi biasa mungkin tidak mati, tetapi bahasa Melayu tinggi yang menyerlahkan pemikiran, ilmu, falsafah dan minda orang Melayu dan orang Malaysia mungkin lambat-laun sirna. Pada 16 Jun 2007 lalu, penulis menghadiri satu majlis rasmi yang doanya pun dibaca dalam bahasa Inggeris.

Sekadar mengulang dan mempertegas pandangan yang telah disampaikan dalam pelbagai wacana lain, di sini dikemukakan upaya yang mesti dilakukan untuk melestarikan bahasa Melayu sebagai asas jati diri dan akar tamadun kita:

1. Dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan, Perkara 152 hendaklah benar-benar dilaksanakan dengan ikhlas dan terancang, khususnya melalui semua jentera kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Awam. Segala keputusan yang bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan hendaklah dianggap tidak sah kerana Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara.
2. Dasar bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama dalam sistem pendidikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 hendaklah dilaksanakan dan segala keputusan yang bertentangan dengannya hendaklah dianggap tidak sah (atas alasan yang sama seperti 1 di atas), kerana akta diluluskan oleh Parlimen, iaitu badan penggubal undang-undang negara.
3. Bahasa Melayu hendaklah diutamakan dalam bidang penyiaran dan media lain di negara ini dan Kementerian Dalam Negeri sewajarnya memasukkan peruntukan ini dalam peraturan penerbitan dan penyiaran.
4. Pertindihan kuasa antara Kementerian Penerangan dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dalam hal peman-tauan dan penguatkuasaan akta dan peraturan penyiaran antara stesen radio dan televisyen Kerajaan dan swasta, termasuk yang melibatkan penggunaan bahasa hendaklah diselesaikan oleh Kabinet.
5. Usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu warisan penting negara hendaklah disepakati dan dilaksanakan secara terancang oleh semua kementerian yang lain.
6. Kuasa perancangan bahasa yang ada pada Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan yang diberi amanah membina dan mengembangkan bahasa perlu dihormati dan tidak diganggu kerana kepentingan tertentu.
7. Kerjasama kebahasaan dan persuratan Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa yang telah sedia berlangsung hendaklah

ditingkatkan (sebahagiannya perlu digerakkan semula kerana telah dihentikan) untuk memperluas pengiktirafan terhadap bahasa Melayu di peringkat dunia.

PENUTUP

Sebagai rumusan, jika kita hendak maju dengan pengertian yang sebenarnya, pembangunan bangsa dan negara kita hendaklah bertunjangkan segala aspek yang holistik atau menyeluruh. Pengabaian mana-mana aspek yang menjadi tunjang tamadun, termasuk bahasa akan menyebabkan kita menjadi bangsa yang mungkin maju dari segi lahiriah tetapi gersang dari segi jati diri. Upaya pelestarian bahasa Melayu yang dikemukakan secara ringkas berdasarkan ranah-ranah utama penggunaan bahasa tersebut menuntut pemerintah memastikan pelaksanaan dasar bahasa yang jelas dan tegas, iaitu dasar yang telah diungkapkan sebagai salah satu tonggak pembinaan negara ini sejak kemerdekaan dahulu. Jika kita melayan perubahan sikap dan mentaliti yang menjurus ke arah pembinaan negara daripada sudut fizikal semata-mata, nescaya punahlah asas pembinaan negara yang asalnya bersepadu, antara yang jasmani dengan yang rohani (dalam hal ini, bahasa merupakan salah satu aspek rohani bangsa). Lisan kebanyakan kita mengikrarkan semangat yang jitu tentang keperluan pembangunan yang bersepadu itu, tetapi “tangan” sebilangan kita dari waktu ke waktu tampaknya melaksanakan sesuatu yang tidak selari dengan ikrar tersebut. Kita hanya mampu berharap dan terus mengingatkan bahawa adalah salah membunuh dasar negara yang menjadi salah satu tunjang kenegaraan kita. Janganlah hendaknya kita menunggu hingga sampai saatnya terjadi bencana kehilangan asas bangsa dan negara dan pada waktu itu baru masing-masing tercari-cari sesuatu yang telah hilang dan mungkin sukar ditemukan lagi.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan (ed.), 2005. *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1882. *Hikayat Abdullah*. Jakarta: Jambatan dan Gunung Agung (cetakan Jawi).
- Abdullah Hassan (ed.), 1994. *Language Planning in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdullah Hassan (ed.), 1994. *Perancangan Bahasa di Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusuf Ali, 1983. *The Holy Quran, Text, Translation, and Commentaries*. Lahore: Sy. Muhammad Ashraf.
- Abdullah Yusuf Ali, 1982. *Al-Qur'anul-Karim Terjemahan dan Huraian Maksud*. Diterjemah oleh Abu Salah Muhammad Uthman el-Muhammady. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alisjahbana, S.T., 1977. *Dari Pertumbuhan dan Perjuangan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Moderen*. Jakarta: P.T. Dian Rakyat.
- Asmah Haji Omar, 2002. *Setia dan Santun Bahasa*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asraf (ed.), 1996. *Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan, 1997. "Falsafah Pendidikan Bahasa: Kajian Konsep dan Pelaksanaannya dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia". Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Awang Sariyan, 2000. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2001. "Pendidikan, Bahasa dan Pendidikan Bahasa sebagai Asas Kehidupan Bertamadun". Kertas kerja Seminar Tamadun Melayu, Universiti Prince of Songkla, Thailand.
- Awang Sariyan, 2004. "Upaya Pengayaan Khazanah Ilmu dalam Bahasa Melayu: Suatu Kerangka Perencanaan dalam Rangka Penakatan Tamadun Melayu/Indonesia". Kertas kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-4, Medan, Indonesia, 28–30 Jun 2004.
- Awang Sariyan, 2005. Syarahan Raja Ali Haji "Hakikat Bahasa dan Realisasinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun Bangsa", Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan, 2007. "Keunggulan Bahasa, Persuratan dan Tamadun Melayu: Cabaran dan Harapan Masa Hadapannya". Teks ucap utama Persidangan Pasca-Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7, anjuran PEMENANG, GAPENA dan DBP Wilayah Utara, di Pulau Pinang, 27 Mac 2007.
- Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1998. *Malay, World Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 2002. *Dasar Bahasa dan Pembangunan Negara di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Hassan Ahmad, 2002. *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAHASA SEBAGAI ASAS JATI DIRI BANGSA: ISU, CABARAN DAN UPAYA PELESTARIANNYA

- Nik Safiah Karim, *et al.*, (2004). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamad, 2002. "Kesan Globalisasi terhadap Bahasa". Kertas kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia Ke-2. Pulau Pinang.
- Syed Muhammad Naquib, 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.